

**KOMUNIKASI POLITIK DI NEGERI SARAWAK: ANALISIS WACANA KRITIS TERHADAP MANIFESTO PARTI POLITIK DALAM PILIHAN RAYA NEGERI SARAWAK 2021**

***POLITICAL COMMUNICATION IN SARAWAK: CRITICAL DISCOURSE ANALYSIS ON POLITICAL PARTIES' MANIFESTOES IN THE 2021 SARAWAK STATE ELECTION***

**Malia Taibi<sup>1\*</sup>, Ammar Redza Ahmad Rizal<sup>2</sup> and Siti Haslina Hussin<sup>1</sup>**

<sup>1</sup>Faculty of Language and Communication, Universiti Malaysia Sarawak, Sarawak, Malaysia

<sup>2</sup>Center for Research in Media and Communication, Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia

\*Corresponding author: [tmalia@unimas.my](mailto:tmalia@unimas.my)

**Published online:** 12 March 2024

**To cite this article:** Malia Taibi, Ammar Redza Ahmad Rizal and Siti Haslina Hussin. Komunikasi politik di negeri Sarawak: Analisis wacana kritis terhadap manifesto parti politik dalam Pilihan Raya Negeri Sarawak 2021. *Kajian Malaysia* 42(Supp.1): 191–213. <https://doi.org/10.21315/km2024.42.s1.10>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.21315/km2024.42.s1.10>

**ABSTRACT**

*An election manifesto reflects the vision of a political party in its effort to gain support from potential voters to win seats. Most political parties will produce manifestoes that promise development projects to drive the country's economy, provide employment opportunities as well as combat abuse of power. The 2021 Sarawak State Election (SSE21) was an election that attracted the attention of state and federal observers. For the first time, the Gabungan Parti Sarawak (GPS) was contesting after the disbandment of Sarawak Barisan Nasional (BN) in 2018. In addition, it was also the first election for the new Sarawak Chief Minister, Abang Johari Openg. SSE21 was the first battleground for several Sarawak nationalist parties such as Parti Sarawak Bersatu (PSB) and Parti Bumi Kenyalang (PBK).*

*Using critical discourse analysis, this article aims to analyse the content of GPS, PSB and PBK's manifestoes. The focus of this study is the issue of state nationalism, state development and inter-ethnic relations presented in the manifesto.*

**Keywords:** Manifesto, 2021 Sarawak State Election, political communication, Gabungan Parti Sarawak (GPS), discourse analysis

## **ABSTRAK**

*Manifesto pilihan raya mencerminkan wawasan sesebuah parti politik dalam usaha meraih sokongan bakal pengundi bagi memenangi kerusi di kawasan bertanding. Kebanyakan parti politik menghasilkan manifesto yang menjanjikan projek pembangunan ekonomi negara, peluang pekerjaan serta memerangi salah guna kuasa. Pilihan Raya Negeri Sarawak 2021 (PRNS 2021) menarik perhatian di peringkat negeri dan persekutuan kerana buat pertama kalinya Gabungan Parti Sarawak (GPS) bertanding setelah pembubaran Barisan Nasional (BN) Sarawak pada tahun 2018. Di samping itu, PRNS 2021 merupakan pilihan raya pertama buat Abang Johari Openg, Ketua Menteri Sarawak yang baharu. PRNS 2021 juga merupakan medan pertarungan yang pertama buat parti nasionalis Sarawak seperti Parti Sarawak Bersatu (PSB) dan Parti Bumi Kenyalang (PBK). Makalah ini bertujuan untuk meneroka melalui analisis wacana kritis komunikasi politik yang disampaikan oleh parti politik di dalam manifesto mereka. Menggunakan kaedah analisis wacana kritis, makalah ini membandingkan manifesto mereka GPS, PSB dan PBK. Fokus kajian ini membincangkan tentang isu nasionalisme kenegerian, perkembangan ekonomi negeri dan hubungan antara etnik yang terdapat di dalam manifesto berkenaan.*

**Kata kunci:** Manifesto, Pilihan Raya Negeri Sarawak 2021, komunikasi politik, Gabungan Parti Sarawak (GPS), analisis wacana

## **PENGENALAN**

Penghasilan manifesto parti politik semasa pilihan raya merupakan strategi yang sering digunakan dalam komunikasi politik. Komunikasi politik ialah proses penyampaian informasi antara parti/ahli politik dengan pengundi di kawasan masing-masing dalam usaha untuk meraih sokongan dan undi. Antara fungsi utama komunikasi politik adalah untuk mempengaruhi, membentuk pendapat serta sikap politik masyarakat dan mendapatkan sokongan rakyat berkaitan pelaksanaan polisi serta dasar kerajaan dalam pentadbiran negara.

Ahli-ahli politik yang berkemahiran dalam komunikasi politik menggunakan pelbagai saluran seperti pidato, debat umum, iklan politik, kempen media sosial serta turun padang berjumpa dengan pengundi demi menjelaskan mengenai ideologi parti politik serta membincangkan isu-isu kontemporari untuk mendapatkan sokongan serta meraih undi rakyat. Dalam konteks kempen pilihan raya, strategi yang selalu diguna pakai oleh parti-parti politik yang bertanding ialah menerbitkan manifesto parti sebagai “umpan” atau “janji” kepada para pengundi demi mendapatkan sokongan serta meraih undi pada hari mengundi.

Menurut Samsuddin (2010), strategi perancangan media semasa pilihan raya amat penting dalam mempengaruhi pendapat awam dan mendapatkan sokongan mereka terhadap isu-isu yang dibangkitkan semasa berkempen. Justeru, penerbitan manifesto pilihan raya adalah sangat penting dalam strategi kempen pilihan raya bagi memastikan sokongan pengundi dapat diraih untuk mendapatkan mandat membentuk kerajaan.

Pilihan Raya Negeri Sarawak 2021 (PRNS 2021) yang diadakan pada 18 Disember 2021 merupakan detik bersejarah dalam landskap politik di Bumi Kenyalang. Buat julung kalinya PRNS 2021 menyaksikan Gabungan Parti Sarawak (GPS) yang terdiri daripada empat parti politik di Sarawak iaitu Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), Progressive Democratic Party (PDP), Sarawak United People’s Party (SUPP) dan Parti Rakyat Sarawak (PRS) bergabung bagi mendapatkan mandat rakyat untuk menubuhkan kerajaan serta memerintah Sarawak untuk tempoh lima tahun akan datang. PRNS 2021 merupakan ujian pertama GPS dalam misi mengekalkan kerajaan yang selama ini bernaung di bawah BN. Seramai 349 calon daripada 10 parti politik serta calon bebas bertanding dalam PRNS 2021 yang menyaksikan 82 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dipertandingkan. Sepuluh buah parti politik yang bertanding adalah GPS, Parti Bumi Kenyalang (PBK), Parti Sarawak Bersatu (PSB), Parti Keadilan Rakyat (PKR), Democratic Action Party (DAP), Parti Aspirasi Rakyat Sarawak (ASPIRASI), Parti Bansa Dayak Sarawak Baru (PBDSB), Parti Amanah Negara (AMANAH), Parti Sedar Rakyat Sarawak (SEDAR) dan Parti Islam Se-Malaysia (PAS).

PRNS 2021 turut menguji jentera pilihan raya ketika negara masih lagi melalui fasa pandemik COVID-19. Prosedur Operasi Standard pencegahan COVID-19 bagi pelaksanaan PRNS 2021 turut dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dengan turut mengambil kira arahan tetap sedia ada termasuklah ketetapan yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak (JPBNS). Prosedur Operasi Standard ini

bertujuan untuk memastikan penularan virus COVID-19 dapat dikawal selain menjamin keselamatan pengundi semasa menjalankan tanggungjawab mereka ketika membuang undi. Kekangan dalam mengadakan kempen secara bersemuka menyaksikan parti-parti politik turut menggunakan platform dalam talian untuk mendekati penyokong parti dan pengundi terutama dalam memberi penerangan mengenai sesuatu isu serta memperkenalkan manifesto parti masing-masing.

Manifesto merupakan dokumen “aku janji” parti politik dalam meraih sokongan pengundi untuk memilih parti politik tersebut agar memenangi sesuatu pilihan raya. Menurut Azman, Mohd Fuad dan Junaidi (2016), tingkah laku pengundi boleh dipengaruhi oleh propaganda atau isu-isu serta manifesto semasa kempen pilihan raya. Kebanyakan parti politik akan memfokuskan kepada agenda tertentu dalam manifesto pilihan raya dan melahirkan slogan yang kreatif untuk menarik minat pengundi. Perkara ini telah dibuktikan oleh Pakatan Harapan (PH) dalam Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) pada tahun 2018 melalui manifesto yang dikenali sebagai “Buku Harapan”. Ia mengandungi janji-janji yang meliputi dasar dan tindakan yang akan dilaksanakan sekiranya mendapat mandat dan undi rakyat untuk membentuk kerajaan. Keberkesanan manifesto PH pada PRU14 telah menyaksikan BN kecundang buat pertama kali setelah lebih 60 tahun menerajui kerajaan Malaysia.

Kajian Muhammad Faizul dan Harishon (2020) mendapati bahawa penggunaan bahasa berperanan dalam menyampaikan sesuatu maklumat secara tersusun dan sistematik. Hasil analisis manifesto PH dalam PRU14 mendapati bahawa pembinaan struktur tema dan rima dalam manifesto berjaya mewujudkan makna teks manifesto yang kontekstual, tersusun dan mudah diterima serta difahami oleh pembaca. Perkara ini jelas menunjukkan manifesto parti politik berupaya untuk mengubah persepsi serta tingkah laku pengundi dalam memilih wakil rakyat atau pemimpin untuk membentuk kerajaan.

Makalah ini akan menganalisis manifesto GPS, PSB dan PBK yang bertanding dalam PRNS 2021 dengan menggunakan wacana kritis. Kajian ini juga membandingkan manifesto yang dihasilkan oleh GPS, PSB dan PBK semasa tempoh berkempen PRNS 2021 dengan memberikan tumpuan terhadap isu nasionalisme kenegerian, perkembangan ekonomi negeri dan hubungan antara etnik yang dibincangkan di dalam manifesto-manifesto berkenaan.

## **MANIFESTO DAN PARTI POLITIK**

Parti politik dilihat cuba memancing undi dengan menghasilkan manifesto yang menjanjikan projek-projek pembangunan yang memberi manfaat kepada rakyat di samping meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara apabila berkempen semasa pilihan raya. Robertson (2004) mendefinisikan manifesto parti politik sebagai kenyataan rasmi parti politik yang memberi gambaran berkaitan dengan polisi yang akan dilaksanakan di awal kempen pilihan raya. Menurut Berntzen dan Sandberg (2014) pula, manifesto parti politik juga boleh mengutarakan pelbagai kenyataan politik dan ada kalanya menyeru sokongan atau tindakan daripada pengundi untuk sesuatu situasi yang berbentuk revolusi yang memerlukan perubahan sesebuah kerajaan. Mereka juga boleh menyampaikan propaganda ekstremis dan bercorak keganasan menerusi manifesto parti. Tidak hairanlah selain daripada perang sepanduk dan poster, penghasilan manifesto yang lebih awal adalah penting dengan membentuk jawatan kuasa pilihan raya dalam parti politik bagi menggerakkan jentera pilihan raya sebelum musim pilihan raya.

Manifesto merupakan medium komunikasi penting dalam mana-mana parti politik yang bertanding semasa pilihan raya. Hal ini kerana manifesto merupakan dokumen yang mengandungi maklumat mengenai perancangan serta polisi yang bakal dijalankan oleh parti politik untuk menarik minat serta meraih undi daripada pengundi (Eder, Jenny dan Muller 2017). Bagi gabungan parti, manifesto turut dilihat sebagai persetujuan secara kolektif antara rakan parti mengenai tindak balas terhadap isu penting yang memberi kesan kepada masyarakat seperti kos sara hidup rakyat dan kenaikan harga barang untuk mendapatkan undi. Ini turut dipersetujui oleh Braun dan Schmit (2020) apabila mereka menyatakan bahawa manifesto parti politik biasanya akan bertindak balas dalam isu penting untuk mendapatkan lebih banyak undi.

Kajian oleh Mohd Hamdan dan Mahat (2014) turut melihat peranan manifesto parti dalam menyumbang kemenangan kepada BN di Sabah semasa PRU13. Kedua-dua penyelidik menganalisis kandungan manifesto BN, Pakatan Rakyat (PR), Parti Solidariti Tanah Airku (STAR Sabah) dan Sabah Progressive Party (SAPP) pada PRU13 dan mendapati semua parti politik berjanji untuk komited dalam melaksanakan janji-janji mereka sekiranya diberi mandat untuk membentuk kerajaan. BN Sabah yang dilihat sebagai melengkapkan “Janji dan Harapan” BN Pusat menyenaraikan 16 komitmen untuk memacu pembangunan sosioekonomi negeri Sabah, termasuklah meningkatkan taraf kehidupan masyarakat tempatan serta merapatkan jurang perbezaan antara pembangunan bandar dengan luar bandar. Manakala PR pula menyenaraikan janji untuk membentuk tahap kedua syarikat-syarikat minyak negara, meningkatkan royalti minyak sehingga 20%

dan juga mewujudkan peluang pekerjaan serta melindungi hak-hak negeri Sabah. Selain daripada itu, manifesto PR juga menggariskan isu berkaitan pembinaan Lebuhraya Pan Borneo dan memperkenalkan antimonopoli, polisi rasuah dan Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis untuk memancing undi penyokong parti.

Bagi manifesto STAR Sabah pula, ia mempromosi tujuh Agenda Borneo iaitu:

1. Desakan supaya Kerajaan Persekutuan menubuhkan satu mekanisme bagi mematuhi Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) terdiri daripada kementerian atau perbadanan untuk mencapai objektif-objektif dan tuntutan utama yang terkandung dalam Artikel VIII MA63; dan memulihkan semula status konsep rakan kongsi Sabah dan Sarawak setanding dengan Persekutuan Malaya, termasuklah hak-hak dan keistimewaan dan peranan Sabah dan Sarawak berhubung dengan kuasa kewarganegaraan, pendaftaran dan imigresen;
2. Desakan supaya formula pengagihan seimbang dan adil terhadap hasil negeri, termasuk melihat kembali peratusan hasil minyak mentah dan penyertaan wakil lebih saksama di parlimen/kabinet persekutuan/perundangan dan pentadbiran dan perkhidmatan diplomasi;
3. Desakan supaya menghormati pelaksanaan Hak Anak Negeri (*Native Rights*) dan Artikel 153 Perlembagaan Persekutuan;
4. Desakan supaya Dasar Kabotej/Pengangkutan/Perdagangan yang mempunyai impak negatif ke atas negeri-negeri di Borneo dimansuhkan;
5. Desakan supaya fokus haluan pembangunan ekonomi diubah dengan memberi lebih tumpuan kepada Sabah dan Sarawak termasuk mengurangkan jurang ekonomi dan digital antara Semenanjung Malaysia dengan negeri-negeri di Borneo, Sabah dan Sarawak;
6. Mengatasi masalah pendatang tanpa izin (PTI)/"Projek IC", masalah yang menjejaskan integriti negeri Sabah dan Sarawak termasuk mengenakan hukuman berat dari segi undang-undang, isu kewarganegaraan kepada PTI; dan
7. Menyiasat kehadiran agensi pusat di Sabah/Sarawak untuk mempunyai pemilikan hak masyarakat tempatan.

Manifesto SAPP pula dilihat sebagai keinginan untuk mengembalikan hak sebenar kedudukan Sabah dalam Malaysia termasuklah mempromosikan semangat MA63, hak dan keistimewaan Sabah dalam memilih pemimpin-pemimpin negeri dan

kawalan terhadap sumber negeri. Hasil kajian Mohd Hamdan dan Mahat (2014) juga mendapati bahawa manifesto parti amat penting dalam meraih sokongan pengundi untuk mengundi parti politik. Walaupun janji-janji yang sama hebat ditaburkan ketika berkempen, Mohd Hamdan dan Mahat (2014) meletakkan ketidaksepakatan antara PR peringkat kebangsaan dengan dua parti pembangkang tempatan (SAPP dan STAR Sabah) sebagai penyumbang kepada kekalahan parti pembangkang dalam PRU13 di Sabah.

PRU14 menyaksikan detik bersejarah dalam landskap politik tanah air apabila keputusan pilihan raya buat pertama kalinya tidak memihak kepada BN walaupun ia telah memerintah Malaysia selama lebih 60 tahun. PH melalui sekutunya PKR memenangi 113 daripada 222 kerusi parlimen dengan majoriti mudah. Selain manifesto PH yang dilabel sebagai populis tetapi strategik, dengan tema “Membina Negara Memenuhi Harapan” serta memberi penekanan kepada “10 janji 100 hari”, slogan yang pernah digunakan sebelum ini seperti #IniKalilah dan #Ubah turut berjaya meraih sokongan pengundi dan seterusnya menyumbang kepada kemenangan besar PH.

Kajian Muhammad dan Sity (2018) terhadap manifesto BN dan kejatuhan *Najibnomics* dalam PRU14 mendapati bahawa dasar pembangunan populis yang ditawarkan oleh BN ditolak oleh rakyat. Hal ini kerana dasar yang dicadangkan melalui *Najibnomics* tidak dapat diterima oleh rakyat disebabkan dilema Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) sebagai bantuan sosial ataupun pengukuhan negara, skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB) yang melibatkan bekas Perdana Menteri Malaysia ke-6, kelemahan dasar ekonomi yang memabitkan pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan dan masalah kenaikan kos hidup serta ketidakseimbangan agihan ekonomi yang memberikan tekanan kepada rakyat. Manifesto BN bertunjangkan prinsip pembangunan yang bersifat terangkum selari dengan program pembangunan ekonomi terangkum, namun ia tidak mampu meraih sokongan pengundi. Karim (2018) turut menyifatkan penolakan *Najibnomics* sebagai bantahan senyap iaitu sentimen rakyat lebih sukar untuk dibaca berbanding pilihan raya sebelum ini dan seterusnya menjadikan ramalan siapa yang akan menang juga agak sukar untuk dibuat. Dalam masa yang sama, imej dan kredibiliti Najib Razak yang terpalit dengan beberapa isu panas turut menyumbang kepada kekalahan BN pada PRU14.

Sebelum kekalahan BN dalam PRU14, sudah timbul bibit-bibit hilang kepercayaan pengundi kepada gabungan parti di bawah BN berdasarkan keputusan PRU13. Penguasaan BN menurun walaupun masih mengekalkan kemenangan di peringkat nasional dengan memenangi 133 kerusi parlimen dan 275 kerusi DUN. Walau bagaimanapun, BN gagal mendapatkan majoriti dua per tiga kerusi parlimen

dan DUN apabila terdapat penurunan penguasaan jumlah kerusi di kedua-dua perwakilan tersebut. BN juga telah kalah di Pulau Pinang, Selangor dan Kelantan. Kajian Junaidi et al. (2014) mendapati “tsunami politik bandar” pada PRU13 berlaku disebabkan oleh beberapa faktor termasuklah isi kandungan Manifesto PR yang berjanji untuk menurunkan harga bahan api, harga kereta, serta mewujudkan pentadbiran yang lebih adil dan telus berjaya meraih sokongan pengundi.

Sehubungan itu, makalah ini akan mengkaji bagaimana manifesto parti-parti politik seperti GPS, PSB dan PBK yang bertanding dalam PRNS 2021 berjaya memujuk pengundi untuk memberikan sokongan dan undi mereka sehingga menyumbang kemenangan kepada parti-parti berkenaan.

## **ANALISIS WACANA**

Wacana merupakan aturan antara kesatuan pemikiran dan bahasa yang lazimnya disampaikan oleh suara dan penulisan (Beaugrande 1980). Dalam konteks wacana politik, dapatan wacana lebih terarah kepada aspek bahasa dan linguistik. Perkara ini dapat diperhatikan dalam kajian wacana yang dijalankan oleh Idris (2008) serta Idris, Norsimah dan Mohammad Fadzeli (2014). Kajian tersebut menggunakan kaedah linguistik untuk memperlihatkan huraian dibincang daripada perspektif linguistik, khususnya dalam kerangka pemikiran “bahasa sebagai wadah kehidupan sosial”, dengan meneliti bagaimana linguistik dimanfaatkan dan bermanfaat dalam penghasilan manifesto bagi mencapai hasrat politik (Farzana dan Suziana 2020). Analisis dilakukan secara deskriptif, interpretatif dan kritis terhadap aspek linear dan bukan linear teks berdasarkan ilmu analisis wacana.

Walaupun penggunaan kaedah analisis wacana terhadap manifesto lazimnya terarah kepada aspek tekstual yang melibatkan komponen deskriptif dan intepretasi, namun kaedah analisis wacana kritis mampu memberikan penambahan kepada komponen berkenaan. Kaedah wacana kritis ataupun lebih dikenali sebagai kajian wacana kritis lebih terarah kepada menilai hubungan antara kuasa-sosial dan sebahagian besar daripada kajiannya menumpu kepada konsep penyalahgunaan kuasa dan ketidakseimbangan kuasa yang terdapat dalam struktur masyarakat (van Dijk 2005). Berbanding analisis wacana, penggunaan kajian wacana kritis terarah kepada struktur sosial dan politik, dan kelazimannya, ia akan cuba menerangkan bagaimana hubungan kuasa-sosial akan terjadi serta kesannya dengan berpandukan analisis kepada teks dan media. Pemfokusan kepada aspek kuasa iaitu pengekaln, perebutan mahupun penggunaan kuasa tersebut untuk mencorak struktur sosial merupakan antara komponen utama di dalam kajian wacana kritis (ibid.).



Dalam disiplin media pula, kajian wacana kritis pula terarah kepada bagaimana media menanamkan ideologi dalam kalangan masyarakat. Cohen (1980) mengkaji bagaimana media di Britain mewujudkan “kepanikan moral” terhadap isu *mods* dan *rockers* yang melanda masyarakat di Britain pada sekitar tahun 1950 sehingga 1960. Dalam isu ini, Cohen melihat bagaimana akhbar dan media memotretkan imej negatif pada kumpulan ini sehinggakan mesej ataupun idea yang cuba dibawakan oleh kumpulan berkenaan yang kebanyakannya terdiri daripada kumpulan anak muda ketika itu diketepikan atas sebab masyarakat berasa takut terhadap konotasi negatif yang dipaparkan di media. Selain itu, terdapat juga kajian lain yang melihat bagaimana media sentiasa cuba mengawal sesuatu krisis dan penghasilan semula budaya rasisme dalam masyarakat (Hall et al. 1980).

Perhubungan antara media dengan politik dalam kajian wacana kritis boleh dirumuskan dengan mengenal pasti bahawa penggunaan kuasa ialah titik utama yang merupakan elemen penting kerana kemampuannya dalam mempengaruhi dan mengubah struktur masyarakat. Aspek wacana kritis melihat bagaimana media yang digunakan oleh ahli politik mahupun bagaimana media memotretkan ahli politik itu sendiri. Dalam perihal ini, hubungan politik dan media adalah saling berhubung dan kuasa ialah elemen yang sentiasa didagangkan dalam transaksi berkenaan. Justeru, dalam aspek manifesto, ia merupakan antara media utama yang disebarkan secara terbuka oleh parti politik dalam kempen pilihan raya mereka. Manifesto juga lazimnya disampaikan dalam konteks multimodal dengan penggunaan pelbagai medium media yang menjadi perantara dalam menyampaikan mesej yang sama.

## **KAEDAH KAJIAN**

Kajian ini menggunakan kaedah analisis wacana kritis sebagai pendekatan metodologi utamanya. Analisis wacana kritis ialah analisis di dalam penyelidikan yang menganalisis wacana terutamanya mengkaji bagaimana kuasa, struktur sosial, dominasi, dan keseimbangan direkodkan di dalam penulisan serta bagaimana ia diulang hasil melalui teks dan penghujahan berdasarkan konteks sosial dan politik (van Dijk 2001). Ia melihat bahasa sebagai bentuk amalan sosial dan memberi tumpuan kepada cara-cara dominasi sosial dan politik diperlihatkan di dalam sesebuah teks atau dokumen (Wodak 2014).

Penerapan analisis wacana kritis dalam kajian ini sangat relevan memandangkan fokus kepada manifesto politik yang secara inheren bersifat perbincangan, mewakili ideologi dan visi parti politik. Manifesto GPS, PSB dan PBK semasa PRNS 2021

berfungsi sebagai sumber data utama. Dokumen-dokumen ini diperoleh secara langsung daripada laman web rasmi parti politik berkenaan atau sumber lain yang boleh dipercayai.

Analisis manifesto dijalankan mengikut prinsip-prinsip analisis wacana kritis, memberi tumpuan kepada cara-cara bahasa digunakan untuk membina dan menghubungkan kedudukan parti-parti pada isu utama seperti proses nasionalisme kepada tiga tahap iaitu:

1. **Penerangan:** Pemeriksaan terperinci terhadap manifesto, memberi tumpuan kepada struktur, tema, dan ciri-ciri linguistik teks. Tahap ini akan memberikan pemahaman yang komprehensif tentang kandungan dan bentuk manifesto.
2. **Interpretasi:** Mentafsirkan corak dan tema yang dikenal pasti dalam tahap penerangan. Tujuannya adalah untuk memahami bagaimana bahasa yang digunakan dalam manifesto membina makna dan representasi yang tertentu.
3. **Penjelasan:** Pemeriksaan kritis terhadap konteks sosial dan politik yang membentuk manifesto. Hal ini akan melibatkan pertimbangan terhadap landskap politik yang lebih luas di mana manifesto dihasilkan, termasuk faktor-faktor sejarah, sosial, dan politik yang mungkin telah mempengaruhi kandungan dan bentuk mereka (Fairclough 2013).

Ketiga-tiga perkara ini berlaku sepanjang proses tafsiran teks berkenaan menggunakan kaedah analisis wacana kritis. Melalui kaedah ini, pemahaman kritikal tentang diskusi kuasa di dalam teks iaitu manifesto dapat diketahui dan dilaporkan. Secara keseluruhan, penerapan analisis wacana kritis dalam kajian ini membolehkan pemahaman yang lebih terperinci tentang wacana politik dalam manifesto, memberikan penafsiran yang lebih kritis mengenai ideologi dan dinamik kuasa yang berlaku sewaktu PRNS 2021.

Data kualitatif diperoleh dengan menggunakan kaedah rujukan sumber primer iaitu manifesto parti-parti politik yang bertanding dalam PRNS 2021 termasuklah manifesto daripada GPS, PSB dan PBK. Dokumen manifesto ini diperoleh daripada manifesto yang diedarkan kepada pengundi dan orang ramai sepanjang PRNS 2021 berlangsung (Rajah 1). Teks yang terdapat di dalam dokumen berkenaan kemudiannya dianalisis menggunakan kaedah analisis wacana kritis bagi memperoleh dapatan kajian. Pemilihan manifesto sebagai dokumen bagi kajian wacana kritis adalah bersesuaian dengan peranannya dalam perjalanan politik pilihan raya.

**PRN SARAWAK: MANIFESTO PARTI**

**GABUNGAN PARTI SARAWAK (GPS)** (BERTANDING 82 KERUSI)

**PARTI SARAWAK BERSATU (PSB)** (BERTANDING 70 KERUSI)

**PARTI BUMI KENYALANG (PBK)** (BERTANDING 73 KERUSI)

**GPS (34 PERKARA):**

- "Menjamin Kestabilan, Kemakmuran & Kegemilangan Sarawak"
- Antaranya: Menjamin kestabilan & autonomi politik Sarawak
- Mempertahankan & memelihara** Hak-Hak Sarawak Mengikut Perlembagaan Persekutuan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63)
- Perlembagaan Negeri Sarawak & Undang-Undang Negeri Sarawak
- Menjamin hak kesaksamaan inklusif untuk semua rakyat Sarawak
- Menjadikan Sarawak maju & berpendapatan tinggi menjelang 2030
- Merapatkan jurang pendapatan rakyat melalui lebih banyak peluang pekerjaan
- Memacu ekonomi Sarawak melalui agenda ekonomi digital
- Memperkasakan usaha melindungi & memulihara alam semula jadi
- Meningkatkan pendapatan & sumber hasil Sarawak
- Memperhebatkan jaringan perhubungan, pengangkutan, pelabuhan & lapangan terbang
- Memperluaskan liputan bekalan air, elektrik & gas
- Transformasi pembangunan ekonomi luar bandar
- Pembangunan bandar sejahtera & pintar
- Transformasi pertanian, penternakan & perikanan
- Membangun sektor perindustrian pelaburan

**PSB:**

- Fokus utama kepada tiga aspek:
  - Autonomi & Pentadbiran
  - Pembaharuan Pendidikan
  - Pembaharuan Sosio Ekonomi
- Antaranya:
  - Kebebasan beragama
  - Rakan kongsi setara di Malaysia di bawah Perjanjian Malaysia 1963 (MA63)
  - Mendapatkan semula Hak Wilayah Laut
  - Mendapat semula hak minyak & gas
  - Pembaharuan dalam biasiswa
  - Pembaharuan autonomi pengurusan pendidikan
  - Pembaharuan pembiayaan pendidikan
  - Menggalakkan multi-lingualisme & dijamin dalam Perlembagaan Sarawak
  - Membbaiki & naik taraf sekolah
  - Meningkatkan pendapatan negeri
  - Liberalisasi ekonomi
  - Peruntukan Khas Perusahaan Kecil & Sederhana
  - Pembaharuan pembangunan

**PBK:**

- Antara intipati:
  - Usahakan Sarawak keluar dari Malaysia secara aman seperti Singapura
  - Dana bantuan kesusahan khas RM3,000 kepada pengundi
  - Subsidi deposit & pinjaman tanpa faedah kepada pembeli rumah kali pertama
  - Subsidi pembelian kenderaan bermotor pertama
  - Pendidikan percuma kepada semua rakyat Sarawak untuk kolej, universiti, sekolah vokasional dan teknik terpilih
  - Pendidikan percuma kepada semua rakyat Sarawak untuk kolej, universiti, sekolah vokasional dan teknik terpilih
  - Peruntukan tanah pertanian kepada petani kecil & sederhana
  - Aghian minimum 30 peratus hasil tahunan pengeluaran minyak mentah kepada semua pengundi
  - Dana untuk mengukur tanah adat orang asal & tanah adat
  - Hapuskan cukai import untuk kenderaan
  - Selesaikan masalah rakyat tanpa dokumen warga negara
  - Tiada gelandangan di Sarawak

Rajah 1: Manifesto GPS, PSB dan PBK semasa PRNS 2021.  
 Sumber: Bernama Radio (2021).

## HASIL KAJIAN

Hasil kajian ini menunjukkan terdapat persamaan dan perbezaan agenda yang diangkat dalam manifesto GPS, PSB dan PBK pada PRNS 2021. Analisis perbandingan melibatkan tiga agenda iaitu isu nasionalisme kenegerian, perkembangan ekonomi negeri dan perhubungan antara etnik.

### Isu Nasionalisme Kenegerian

Jadual 1 menunjukkan agenda berkaitan isu nasionalisme kenegerian yang diutarakan oleh GPS, PSB dan PBK di dalam manifesto masing-masing dalam PRNS 2021. Daripada 34 agenda keseluruhan yang dirangka dalam manifesto GPS, hanya empat agenda yang memberi penekanan khusus kepada isu nasionalisme kenegerian. PSB juga turut mengemukakan empat agenda berkaitan isu nasionalisme manakala PBK hanya mengutarakan dua agenda dan salah satunya ialah usaha untuk mengeluarkan Sarawak dari Malaysia.

Jadual 1: Agenda isu nasionalisme kenegerian di dalam manifesto PRNS 2021 oleh GPS, PSB dan PBK

Isu nasionalisme kenegerian	<b>GPS</b>
	Menjamin kestabilan dan autonomi politik Sarawak
	Mempertahan dan membela hak-hak Sarawak mengikut Perlembagaan Persekutuan, MA63, Perlembagaan Negeri Sarawak dan Undang-Undang Negeri Sarawak
	Menjamin hak kesaksamaan yang inklusif untuk semua rakyat Sarawak
	Mengiktiraf dan menjamin hak rakyat ke atas tanah Native Customary Right (NCR) dan Native Territorial Domain (NTD)
	<b>PSB</b>
	Rakan kongsi setara di Malaysia di bawah MA63
	Struktur politik dan kerajaan yang adil
	Perlindungan perlembagaan
	Menggalakkan multi-lingualisme dan dijamin dalam perlembagaan Sarawak
	<b>PBK</b>
	Usahakan Sarawak keluar dari Malaysia seperti Singapura
Dana untuk mengukur tanah adat orang asal dan tanah adat	

## Perkembangan Ekonomi Negeri

Memacu pertumbuhan ekonomi merupakan strategi ampuh yang sering digunakan dalam mana-mana manifesto parti-parti politik yang bertanding dalam pilihan raya. Ia bertujuan untuk memberi keyakinan kepada pengundi bahawa parti politik yang dipilih mampu membawa pertumbuhan dan pembangunan ekonomi yang akan memberi kesan positif kepada rakyat dan negeri. Jadual 2 menunjukkan GPS menawarkan agenda yang terbanyak mengenai perkembangan ekonomi negeri. Sebanyak 15 agenda yang dikemukakan oleh GPS merangkumi pelbagai aspek seperti membasmi kemiskinan bandar dan luar bandar, mentransformasi pembangunan ekonomi luar bandar, dan menyediakan lebih banyak peluang perniagaan serta memperkasakan industri kecil dan sederhana (IKS). Manakala PSB mengemukakan lapan agenda termasuk meningkatkan pendapatan negeri, melancarkan pembaharuan sosio-ekonomi yang menekankan keutamaan ekonomi, liberalisasi ekonomi dan pembaharuan pembangunan. Seterusnya, PBK hanya menawarkan satu agenda perkembangan ekonomi negeri iaitu dengan menjanjikan agihan minimum 30% hasil tahunan pengeluaran minyak mentah kepada semua pengundi.

Jadual 2: Agenda perkembangan ekonomi negeri di dalam manifesto PRNS 2021 oleh GPS, PSB dan PBK

Perkembangan ekonomi negeri	<b>GPS</b>
	Menjadikan Sarawak maju dan berpendapatan tinggi menjelang 2030
	Merapatkan jurang pendapatan rakyat melalui pewujudan lebih banyak peluang pekerjaan
	Membasmi kemiskinan bandar dan luar bandar
	Menyediakan lebih banyak rumah mampu milik, Skim Pembesaran Kampung (SPK), Skim Penempatan Semula (SPS), bantuan pembinaan dan baik pulih rumah panjang
	Memacu pembangunan ekonomi Sarawak melalui agenda ekonomi digital
	Meningkatkan pendapatan dan sumber hasil Sarawak
	Memperhebatkan jaringan jalan perhubungan, pengangkutan, pelabuhan dan lapangan terbang
	Memperluaskan liputan bekalan air, elektrik dan gas
	Memperluaskan liputan telekomunikasi dan kemudahan digital
	Mentransformasikan pembangunan ekonomi luar bandar
	Merancang pembangunan bandar sejahtera dan pintar
	Mentransformasikan dan memacu sektor pertanian, penternakan dan perikanan
	Membangun sektor perindustrian dan pelaburan
	Menyediakan lebih banyak peluang perniagaan dan memperkasakan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)
	Memperhebatkan sektor pelancongan dan perkhidmatan
	<b>PSB (Pembaharuan sosioekonomi)</b>
	Mendapatkan semula hak wilayah laut
	Mendapatkan semula hak minyak dan gas
	Meningkatkan pendapatan negeri
	Keutamaan ekonomi
	Liberalisasi ekonomi
	Nelayan dan petani pekebun kecil
	Peruntukan khas PKS yang ditetapkan
	Pembaharuan pembangunan
	<b>PBK</b>
Agihan minimum 30% hasil tahunan pengeluaran minyak mentah kepada semua pengundi	

## Perhubungan Antara Etnik

Keharmonian serta perpaduan antara kaum mampu menyumbang kepada kestabilan politik dan seterusnya memudahkan segala usaha kerajaan untuk melaksanakan program ekonomi dan pembangunan negeri. Penekanan kepada pentingnya perpaduan turut dimuatkan di dalam manifesto GPS dan PSB. Jadual 3 menunjukkan bahawa GPS dan PSB masing-masing mengemukakan tiga agenda perhubungan antara etnik di dalam manifesto PRN12. Manakala PBK tidak mengemukakan agenda yang menekankan perhubungan antara etnik.

Jadual 3: Agenda perhubungan antara etnik di dalam manifesto PRNS 2021 oleh GPS, PSB dan PBK

Perhubungan antara etnik	<b>GPS</b>
	Mengukuhkan keharmonian dan kesejahteraan sosial
	Menjamin dan memelihara budaya, warisan dan kepercayaan pelbagai kaum
	Memperkukuhkan mahkamah adat bumiputera
	<b>PSB</b>
	Kebebasan beragama
	Kerusi ahli parlimen yang adil
	Perwakilan rakyat yang adil di DUN Sarawak
	<b>PBK</b>
	-Tiada-

## PERBINCANGAN

### PRNS 2021

Penghasilan manifesto yang baik, praktikal serta realistik semasa kempen pilihan raya dilihat sebagai satu strategi komunikasi politik yang berpotensi untuk menyumbang kemenangan kepada parti politik yang bertanding. Manifesto yang menjanjikan bulan bintang atau “janji kosong” kerap kali gagal dan tidak berjaya untuk meraih undi pengundi-pengundi disebabkan janji-janji yang tidak praktikal dan realistik.

Ramai penyelidik tempatan telah menjalankan kajian tentang manifesto politik sama ada di peringkat negeri dan nasional. Siti Noranizahhafizah dan Jayum (2022) turut membandingkan tiga manifesto parti politik iaitu PH, BN dan Gagasan

Sejahtera yang melibatkan tiga aspek utama iaitu politik, ekonomi dan sosial. Hasil kajian menunjukkan ada hubungan antara parti yang memenangi pilihan raya dengan manifesto yang dikemukakan semasa kempen pilihan raya. Pemilihan isu setempat juga penting dalam manifesto di peringkat negeri. Kekalahan BN dalam PRU14 turut menyaksikan agenda yang dimuatkan dalam manifesto BN telah ditolak rakyat dan menyumbang kepada kekalahan BN. Siti Noranizahhafizah dan Jayum (2022) mencadangkan agar parti-parti yang bertanding dalam pilihan raya menghasilkan manifesto yang realistik, praktikal serta mengambil kira pendekatan untuk mendengar keperluan akar umbi demi memastikan janji-janji dalam manifesto tersebut dapat dilaksanakan selepas membentuk kerajaan.

Pilihan raya yang dilaksanakan di Sarawak pada tahun 2021 merupakan pilihan raya yang ke-12. Sarawak adalah antara negeri pertama yang mengadakan pilihan raya negeri yang berbeza dengan pilihan raya umum. PRNS 2021 merupakan pilihan raya pertama Sarawak tanpa BN sebagai parti komponen yang bertanding. Situasi ini terjadi setelah parti-parti politik di Sarawak bersepakat untuk keluar daripada komponen berkenaan selepas PRU14 pada tahun 2018, berpunca daripada kegagalan BN pusat untuk mengekalkan kuasa di peringkat persekutuan. Namun demikian, parti-parti bekas komponen BN berkenaan bersepakat untuk menubuhkan parti komponen baharu yang dikenali sebagai GPS. Ahli-ahli GPS merupakan parti-parti bekas komponen BN yang terdiri daripada PBB, SUPP, PRS dan PDP.

Selain GPS, PRNS 2021 juga memperlihatkan penyertaan parti kelahiran tempatan. PSB ialah parti yang diasaskan dan terarah kepada konteks politik di Sarawak. Kewujudan PSB ini memberikan dinamik yang berbeza kepada perjalanan politik di negeri tersebut. Sebelum ini, dalam dua pilihan raya terdahulu, BN lazimnya dicabar oleh komponen yang terdiri daripada parti-parti yang terasas daripada konteks politik kebangsaan seperti DAP, PKR dan PAS. Jika pun wujud parti-parti tempatan yang baharu seperti PBDS, konteks politiknya terarah kepada perjuangan politik identiti mewakili ataupun memfokuskan kepada masyarakat mahupun etnik tertentu. Penyertaan PSB dan fokusnya kepada politik nasionalis Sarawak memberikan dinamik baharu kepada ruang politik di Sarawak. Malah keterlibatan PSB juga merentasi kerusi-kerusi DUN di seluruh Sarawak tanpa memfokuskan kepada etnik-etnik tertentu.

PRNS 2021 ini juga menyaksikan parti ultra-nasionalis Sarawak iaitu PBK bertarung nasib dalam memperjuangkan ideologi mereka. Selain itu, keterlibatan parti-parti lain seperti PKR, PAS dan DAP dalam PRNS 2021 turut merencanakan aktiviti berkempen dalam usaha meraih sokongan pengundi.

## Parti Politik dan Manifesto

Pelancaran manifesto parti menjelang kempen pilihan raya merupakan kemuncak kepada usaha parti-parti politik untuk memujuk serta menawan hati pengundi untuk memilih calon-calon parti di kawasan yang bertanding. GPS telah melancarkan manifesto parti pada 8 Disember 2021. Manifesto GPS yang mengandungi 34 perkara pokok setebal 104 muka surat sarat dengan pencapaian dan inisiatif yang telah dan akan dijalankan sekiranya diberi mandat untuk menerajui semula kerajaan Sarawak untuk tempoh lima tahun.

Manifesto GPS bersifat komprehensif dalam memperjuangkan hak Sarawak, menjamin hak serta menjaga kebajikan rakyat dan janji-janji untuk mengadakan lebih banyak inisiatif dalam meningkatkan kemajuan negeri Sarawak dan kegemilangan rakyat Sarawak. Ia jelas dengan tema yang digunakan dalam manifesto tersebut iaitu *Ensuring Stability, Prosperity and Glorious Sarawak* serta penggunaan #SarawakForAll dan #AllForSarawak untuk membangkitkan kesetiaan terhadap parti pemerintah yang telah banyak membawa pembangunan dan pembaharuan di negeri Sarawak.

PSB pula melancarkan manifesto parti pada 9 Disember 2021 yang menekankan tiga fokus utama iaitu autonomi dan pentadbiran, pembaharuan pendidikan dan pembaharuan sosioekonomi dalam dokumen setebal 24 muka surat. Manifesto PSB bertemakan *For Our Children, Our Fairland Sarawak and Our Future*. PBK turut melancarkan manifesto parti pada 10 Disember 2021 dengan tema yang lebih radikal iaitu untuk membawa Sarawak keluar daripada Malaysia dan menggunakan tajuk *Passport Parti Bumi Kenyalang to Prosperity, Freedom and Independence*.

Penelitian secara sepintas lalu terhadap ketiga-tiga manifesto ini mendapati bahawa terdapat persamaan dalam tema kestabilan politik negeri dan perkembangan ekonomi negeri ditekankan oleh GPS, PSB dan PBK untuk mendapat sokongan pengundi. Perkara ini semestinya diberikan penekanan oleh parti-parti yang bertanding untuk memberi keyakinan kepada pengundi bahawa mereka akan bekerja keras untuk menepati janji-janji yang telah diberikan. Isu hubungan antara etnik tidak dititikberatkan oleh ketiga-tiga parti politik tetapi PBK berjanji akan memastikan tiada gelandangan wujud di Sarawak.

Isu hubungan etnik di Sarawak tidak diberi penekanan dalam manifesto ketiga-tiga parti politik kerana ia bukan merupakan isu besar yang perlu ditangani semasa kempen pilihan raya. Ia juga disebabkan Sarawak mempunyai rekod yang baik dalam hubungan etnik dan perpaduan erat antara rakyatnya yang berbilang kaum bersandarkan toleransi serta perasaan menghormati perbezaan budaya dan agama.



## **Politik Nasionalis Tempatan**

Politik Sarawak adalah lebih unik berbanding dengan politik di negeri lain di Malaysia. Pertamanya adalah kerana kedudukan Sarawak di Kepulauan Borneo yang terpisah secara fizikal dengan 12 negeri persekutuan Malaysia yang lain. Selain itu, Sarawak ialah satu-satunya negeri di Malaysia yang tidak mempunyai cawangan parti United Malays National Organisation (UMNO). Pengaruh UMNO dalam penyeimbangan kuasa antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan adalah amat penting. Di Sabah sebagai contoh, penyertaan UMNO pada penghujung 1990-an telah meredakan ketegangan penyokong nasionalis tempatan.

Disebabkan ketiadaan UMNO di Sarawak, politik tempatan negeri tersebut secara jelas terasing daripada politik persekutuan. Sebelum ini, perikatan bersama parti-parti politik di Semenanjung hanya dihubungkan melalui BN. Namun demikian, BN Sarawak mempunyai lebih autoriti kerana kepimpinan BN pusat menyerahkan hampir semua hal politik di Sarawak kepada parti komponen di negeri tersebut (Junaidi et al. 2012).

Berikutan hal ini, isu nasionalis di Sarawak dilihat lebih meruncing berbanding negeri lain. BN dalam dua penggal terakhirnya dilihat cuba membawakan hegemoni persekutuan ke dalam Sarawak. Namun demikian, kegagalan mereka menyelesaikan isu-isu kemudahan asas dan juga ketidakupayaan kepimpinan pusat BN untuk mengawal dominasi kuasa parti komponen negeri melakar imej-imej negatif dalam kalangan pengundi terhadap BN Sarawak. Antaranya imej korupsi dan pengawalan kuasa oleh persekutuan. Lantaran itu, aspek nasionalis mula meningkat naik dalam kalangan pengundi di Sarawak. Kemuncaknya ialah kegagalan BN untuk mendapat mandat dua per tiga pada tahun 2008. Semenjak itu, isu nasionalis semakin mendapat tempat. Contohnya adalah seperti gerakan “Sarawak for Sarawakian” yang jelas menekankan nasionalis hiperlokal yang menginginkan pemusatan kuasa penuh oleh negeri Sarawak.

PRNS 2021 merupakan titik perubahan utama dalam landskap politik di Sarawak kerana kali ini tiada lagi komponen BN, dan komponen parti-parti di Sarawak mula dikenali sebagai GPS. Kewujudan GPS berjaya mengeneipkan elemen hegemoni oleh parti politik Semenanjung dalam perjalanan politik di Sarawak.

Melihat kepada manifesto GPS untuk PRNS 2021 ini, GPS dengan jelas meletakkan posisi mereka sebagai parti yang bersedia untuk meningkatkan kuasa dalam kemelut perebutan hak dan kuasa antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri. Antara yang dinyatakan dalam manifesto mereka ialah:

1. Menjamin kestabilan dan autonomi politik Sarawak
2. Mempertahan dan membela hak-hak Sarawak mengikut Perlembagaan Persekutuan, MA63 dan Perlembagaan Negeri Sarawak dan Undang-Undang Negeri Sarawak
3. Menjamin hak kesaksamaan inklusif untuk semua rakyat Sarawak

Dalam perkara ini GPS mempunyai kelebihan. Jika sebelum ini desakan yang dibuat kepada parti-parti komponen BN di Sarawak berkisar tentang soal hak dan pemilikan kuasa, kewujudan GPS sebagai satu komponen sendiri yang membawakan isu nasionalis tempatan di dalam manifesto mereka jelas menafikan atau melemahkan perjuangan agenda nasionalis tempatan bagi parti lain. Walau bagaimanapun, isu nasionalis tempatan dan pemusatan kuasa kepada Kerajaan Negeri juga merupakan isu yang dibangkitkan oleh parti lain di dalam manifesto mereka. PSB sebagai contoh turut membawakan isu hak di dalam persekutuan sebagai salah satu elemen di dalam manifesto mereka. Antara isu nasionalisme yang dibawakan oleh PSB termasuklah:

1. Autonomi dan pentadbiran
2. Rakan kongsi setara di Malaysia di bawah MA63
3. Mendapatkan semula hak wilayah laut
4. Mendapatkan semula hak minyak dan gas
5. Pembaharuan autonomi pengurusan pendidikan
6. Menggalakkan multi-lingualisme dan dijamin dalam Perlembagaan Sarawak

Di samping itu, nasionalisme lokal juga dibawakan dengan lebih ekstrem oleh PBK. PBK dengan jelas menyatakan di dalam manifesto mereka tentang pemisahan antara Sarawak dengan Persekutuan Malaysia dan swa-pemerintahan oleh Sarawak sendiri.

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, soal pegangan kuasa adalah antara agenda yang sentiasa dibincangkan di Sarawak. Konflik antara Ketua Menteri Sarawak yang pertama iaitu Stephan Kalong Ningkan dengan Kerajaan Persekutuan di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman ketika itu juga terarah kepada isu pegangan kuasa dan konflik kuasa antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri.

Penelitian terhadap isu ini dengan jelas memperlihatkan bahawa GPS berjaya mengambil peluang yang ada dengan baik. Dengan usainya hubungan politik secara terus dengan parti komponen peringkat pusat (seperti mana penggunaan komponen BN bagi mewakili perikatan parti-parti Sarawak sebelum ini), GPS berjaya meletakkan diri mereka sebagai pejuang utama isu pegangan kuasa antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan. Dalam masa yang sama, GPS juga berjaya menjawab kesangsian rakyat terhadap keupayaan mereka dalam soal pegangan kuasa berkenaan. Kemuncaknya adalah apabila GPS berjaya mengusulkan pindaan Rang Undang-Undang (RUU) perlembagaan berkaitan MA63 yang telah diluluskan Dewan Rakyat dalam mengembalikan kedaulatan dan hak negeri Sarawak (Astro Awani 2021).

Walaupun demikian, dalam konteks wacana kritis, tindakan GPS dan kenyataan berkenaan soal hak Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan di dalam manifesto adalah mustahak bagi memastikan kepercayaan pengundi kepada mereka akan meningkat. Jika sebelum ini parti-parti komponen dikritik sebagai tunduk kepada pengaruh BN pusat, maka pada PRNS 2021, GPS telah menjadi juara. Apabila GPS dengan jelas memperjuangkan perkara ini, peluang yang ada untuk parti lain membawakan agenda politik tempatan dilihat menjadi lemah. Apatah lagi, GPS mempunyai parti-parti yang lebih berpengalaman dalam soal politik seperti PBB, SUPP dan PRS berbanding parti-parti baharu seperti PSB dan PBK. Walaupun PSB mempunyai beberapa ahli politik veteran seperti Wong Soon Koh dan Baru Bian, jumlah ahli politik ini adalah sangat kecil berbanding ahli-ahli politik yang dimiliki oleh GPS.

Selain itu, apabila GPS menyatakan dengan jelas elemen politik nasionalis tempatan di dalam manifesto mereka, ini mengurangkan tekanan dalam soal politik antara etnik yang merupakan antara isu utama politik di Sarawak. Penekanan kepada isu nasionalis tempatan membolehkan pandangan politik pengundi lebih tertumpu. Hal ini akan mengurangkan polemik berkenaan soal pengagihan kuasa antara etnik. Jika diperhatikan dalam sejarah, soal pegangan kuasa ini adalah antara isu penting terutamanya melibatkan polemik antara etnik Melayu-Melanau dengan Iban. Apabila isu nasionalis tempatan ini menjadi agenda utama naratif GPS di dalam pilihan raya, isu kuasa antara etnik dapat ditenggelamkan.

### **Isu Pembangunan dan Ekonomi**

Antara isu utama yang mendasari mana-mana manifesto parti politik baik di peringkat antarabangsa, kebangsaan mahupun tempatan adalah isu pembangunan dan ekonomi. Di Sarawak, soal pembangunan dan ekonomi adalah antara persoalan yang sering menjadi polemik utama dan digunakan oleh parti-parti politik untuk

terus berkuasa. Dapatan kajian terdahulu telah menunjukkan bahawa kawasan yang tidak memilih wakil rakyat daripada parti komponen kerajaan sedia ada iaitu BN akan berhadapan dengan masalah pembangunan (Junaidi, Mohd Faizd dan Lyndon 2015). Bantuan akan diutamakan kepada kawasan yang mempunyai wakil rakyat daripada BN.

Apabila GPS mengambil alih kerajaan dengan mengisytiharkan diri mereka keluar daripada BN, GPS turut membawakan naratif baharu dalam aspek pembangunan. Walaupun terdapat wakil rakyat mereka yang dipilih sebagai menteri di dalam kerajaan Perikatan Nasional (PN) serta kerajaan Ismail Sabri Yaakob yang baharu, namun, di dalam kempen dan manifesto, GPS meletakkan mereka bukan sebagai entiti yang sama dalam komponen tersebut. Strategi pengasingan ini membantu GPS menyeimbangkan naratif dalam memperjuangkan soal pembangunan negeri. Mereka meletakkan diri mereka sebagai Kerajaan Negeri yang perlu berdiplomasi dengan Kerajaan Persekutuan dalam mencari peruntukan untuk pembangunan negeri. Justeru, dalam perkara ini, posisi GPS akan kelihatan sama dengan PSB dan PBK serta parti-parti yang lain seperti PKR dan DAP. Namun, dalam masa yang sama, GPS menampakkan proses pembangunan dan ekonomi yang dilakukan oleh mereka sepanjang menerajui Kerajaan Negeri Sarawak semenjak 2018 (selepas kejatuhan BN).

Elemen yang ditekankan dalam perkara ini bersama dengan manifesto mereka ialah kejayaan kerajaan GPS memperoleh cukai jualan petroleum yang tidak pernah diperoleh oleh mana-mana negeri yang mempunyai pengeluaran hasil petroleum. Justeru, GPS beralih daripada kaedah yang telah lama diamalkan oleh BN Sarawak iaitu mewujudkan ketakutan kepada pengundi yang tidak dapat memperoleh pembangunan jika tidak mengundi BN kepada mewujudkan rasa kerugian jika tidak mengundi GPS. Perkara ini merupakan satu anjakan paradigma yang mustahak dan mempunyai kesan politik yang kuat. Rakyat atau pengundi yang dimotivasikan dengan keupayaan untuk mendapatkan laba ekonomi yang lebih baik akan cenderung untuk memberikan mandat dan terarah kepada elemen yang lebih stabil berbanding pengundi yang dimomokkan dengan ketakutan tidak memperoleh pembangunan jika mengundi parti lawan.

Ini adalah formula yang berjaya diungkapkan oleh GPS. Dalam masa yang sama, GPS menekankan soal ekonomi masa hadapan untuk memperkukuhkan kredibiliti mereka sebagai ahli pentadbiran yang berupaya membawa pengundi Sarawak merentas ekonomi masa hadapan yang lebih mencabar. Ia termasuk mengetengahkan soal ekonomi digital dan mewujudkan sentimen ekonomi berpendapatan tinggi. Sentimen ini memberikan GPS kredibiliti yang lebih kukuh berbanding sentimen daripada isu ekonomi yang dibawa oleh PSB dan PBK; sebagai contoh, PBK

hanya menengahkan isu ekonomi mikro berupa bantuan. Selain itu, PBK juga tidak memberi kerangka yang jelas untuk menangani isu tersebut. PSB pula hanya membawa isu ekonomi konservatif seperti soal peningkatan pembangunan dan peningkatannya infrastruktur. Walaupun ia merupakan isu-isu yang penting, isu ekonomi masa hadapan juga harus diberi perhatian. Digitalisasi serta penyusunan semula sektor buruh ialah isu ekonomi yang akan sentiasa mendapat perhatian rakyat terutama mereka yang berada pada zaman informasi ini (Webster 2014).

## **KESIMPULAN**

PRNS 2021 adalah antara titik penting dalam sejarah dan kajian mengenai politik di Sarawak. Buat pertama kalinya selepas lebih empat penggal, BN tidak bertanding di negeri berkenaan. Dalam masa yang sama, parti-parti yang sebelum ini berada di dalam BN membentuk satu komponen dan menubuhkan GPS. Dengan menggunakan kaedah analisis wacana kritis, kajian ini melihat manifesto yang telah dibawa oleh parti dan komponen yang berasal dari Sarawak sendiri. Dua tema utama iaitu politik nasionalis serta isu pembangunan dan ekonomi dikenal pasti sebagai elemen utama dalam membincangkan soal kuasa, struktur masyarakat dan politik di Sarawak. Kajian ini merungkai bagaimana GPS menggunakan kesempatan yang sedia ada daripada kekalahan BN pada PRU14 yang lalu untuk mencipta satu naratif baharu bagi mengukuhkan kuasa mereka di negeri ini. Naratif ini yang turut diterjemah dan dikomunikasikan di dalam manifesto mereka memberi gambaran bagaimana soal identiti tempatan mahupun hiperlokal masih lagi menjadi tunjang utama kepada naratif politik di negeri Sarawak. Dalam masa yang sama, kajian ini telah memperlihatkan bagaimana perihal identiti berupaya menjadi satu tirai kepada isu-isu kuasa dan politik kerana isu-isu terbabit seringkali dipetik atau digunakan dalam perbincangan kuasa dan politik. Hal ini dapat digambarkan menerusi keupayaan GPS menonjolkan soal politik nasionalis tempatan untuk meredakan isu perebutan kuasa etnik yang lazimnya mendasari suasana politik di Sarawak. Kajian ini juga menunjukkan bagaimana soal ekonomi berkait rapat dengan soal pengekalan kuasa. Jelas bahawa isu ekonomi digital dan ekonomi berpendapatan tinggi menjadi naratif utama yang diinginkan pengundi. Malah, kewujudan dua isu ini menjadi satu tirai yang boleh menutup kelemahan isu-isu ekonomi asas seperti pembangunan infrastruktur dan peningkatan upaya wilayah yang lebih ketinggalan berbanding kawasan bandar.

## RUJUKAN

- Astro Awani. 2021. Pindaan MA63: Bukti perjuangan GPS kembalikan hak Sarawak. 15 December. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pindaan-ma63-bukti-perjuangan-gps-kembalikan-hak-sarawak-abang-jo-336423?amp=1> (accessed 14 September 2022).
- Azman Mahadi, Mohd Fuad Jali and Junaidi Awang Besar. 2016. Tingkah laku pengundi dan faktor kejayaan Barisan Nasional: Kajian kes FELDA Kuala Krau. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space* 12(9): 126–137.
- Bernamea Radio. 2021. [Infografik] PRN Sarawak: Manifesto parti. 12 December. <https://www.facebook.com/bernamaradio/posts/infografik-prn-sarawak-manifesto-parti/10158540989252031/> (accessed 11 December 2022).
- Berntzen, L.E. and S. Sandberg. 2014. The collective nature of lone wolf terrorism: Anders behring breivik and the anti-Islamic social movement. *Terrorism and Political Violence* 26(5): 759–779. <https://doi.org/10.1080/09546553.2013.767245>
- Braun, D. and H. Schmitt. 2020. Different emphases, same positions? The election manifestos of political parties in the EU multilevel electoral system compared. *Party Politics* 26(5): 640–650. <https://doi.org/10.1177/1354068818805248>
- Cohen, S. 1980. *Folk devils and moral panics*. 2nd ed. Oxford: Robertson.
- De Beaugrande, R.A. 1980. The pragmatics of discourse planning. *Journal of Pragmatics* 4(1): 15–42. [https://doi.org/10.1016/0378-2166\(80\)90015-6](https://doi.org/10.1016/0378-2166(80)90015-6)
- Eder, N., M. Jenny and W.C. Müller. 2017. Manifesto functions: How party candidates view and use their party's central policy document. *Electoral Studies* 45: 75–87. <https://doi.org/10.1016/j.electstud.2016.11.011>
- Farzana Adnan and Suziana Mad Saad. 2020. Analisis wacana kritis bahasa dan kuasa: Kepimpinan dan permuafakatan. *Jurnal Wacana Sarjana* 4(3): 1–18.
- Fairclough, N. 2013. Critical discourse analysis and critical policy studies. *Critical Policy Studies* 7(2): 177–197.
- Hall, S., D. Hobson, A. Lowe and P. Willis. 1980. *Culture, media, language*. London: Hutchinson.
- Idris Aman. 2008. Bahasa dan kuasa: Analisis wacana Barisan Nasional dalam Pilihan Raya Umum Malaysia ke-11. *Akademika* 72: 69–96.
- Idris Aman, Norsimah Mat Awal and Mohammad Fadzeli Jaafar. 2014. Strategi wacana teks akademik sains dan teknologi. *GEMA Online: Journal of Language Study* 12(1): 189–202. <https://doi.org/10.17576/GEMA-2014-1401-12>
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Yahaya Ibrahim, N. Lyndon, Khaidzir Hj. Ismail, Noor Aziah Hj. Mohd Awal, Jeniri Amir, A. Sarok, Rosmadi Fauzi, Amer Saifude Ghazali. 2012. Kriteria pemilihan calon dan parti dalam pilihan raya umum Dewan Undangan Negeri Sarawak. *Geografia: Malaysia Journal of Society and Space* 8(4): 44–55.
- Junaidi Awang Besar, Rosmadi Fauzi, Amer Saifude Ghazali, Mohd Azlan Abdullah, Mazlan Ali and Ahmad Rizal Mohd Yusof. 2014. Pilihan Raya Umum (PRU) 2013 di Malaysia: Suatu analisis 'tsunami politik bandar'. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space* 10(4): 28–38.

- Junaidi Awang Besar, Mohd Faidz Mohd Zain and N. Lyndon. 2015. Impak sosio-ekonomi dan politik persempadanan semula bahagian Pilihan Raya Negeri Sarawak. *Geografia: Malaysia Journal of Society and Space* 8(7): 1–12.
- Karim Raslan. 2018. Apakah makna suasana sepi bagi PRU14? *Sinar Harian*, 3 May.
- Mohd Hamdan Adnan and Mahat Jamal. 2014. Pilihan Raya Umum Malaysia ke-13: Faktor-faktor penentuan kemenangan di Sabah. *Jurnal Komunikasi Borneo* 1: 55–76.
- Muhammad Ariff Asyrul Adnan and Sity Daud. 2018. Manifesto Barisan Nasional dan kejatuhan Najibnomics dalam pilihan raya umum ke-14. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies* 45(2): 343–366.
- Muhammad Faizul Abd Hamid and Harishon Radzi. 2020. Struktur tema dalam manifesto Pakatan Harapan Pilihan Raya Umum ke-14. *Jurnal Linguistik* 24(1): 109–125.
- Robertson, D. 2004. *The Routledge dictionary of politics*. London: Routledge. <https://doi.org/10.4324/9780203362068>
- Samsuddin Abdul Rahim. 2010. Media, demokrasi dan generasi muda: Analisis keputusan Pilihan Raya Umum ke-12. *Malaysian Journal of Communication* 26(2): 1–15.
- Siti Noranizahhafizah Boyman and Jayum A. Jawan. 2022. Manifesto parti politik pada Pilihan Raya Umum (PRU) ke-14 di Malaysia: Satu analisis perbandingan. *Jurnal Perspektif* 14(2): 44–58.
- Van Dijk, T.A. 2001. Multidisciplinary CDA: A plea for diversity. In *Methods of critical discourse analysis*, eds. R. Wodak and M. Meyer, 95–120. California: Sage. <https://doi.org/10.4135/9780857028020.n5>
- \_\_\_\_\_. 2005. Critical discourse analysis. In *The handbook of discourse analysis*, eds. D. Schiffrin, D. Tannen and E.D. Hamilton, 349–371. Oxford: Blackwell Publishers Inc.
- Webster, F. 2014. *Theories of the information society*. London: Routledge. <https://doi.org/10.4324/9781315867854>
- Wodak, R. 2014. Critical discourse analysis. In *The Routledge companion to English studies*, eds. C. Leung and B.V. Street, 302–316. London: Routledge.